

19/03/2001

Lee guna isu perkauman tutup kelemahan Singapura

Jamhariah Jaafar

TERDAPAT sekurang-kurangnya dua jenis pemimpin bersuara lantang - mereka yang jujur, berterus terang, tetapi masih mampu untuk menjaga hati negara lain, terutama yang terdekat dengannya, dan satu lagi terus mengkritik negara lain dengan angkuh seolah-olah dia saja yang bijak di dunia ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah pemimpin negara yang terkenal dengan kelantangannya sehingga pernah digelar seorang yang 'keras kepala'.

Beliau turut dikritik teruk di gelanggang antarabangsa berikutan ketegasannya untuk berpegang teguh kepada pendirian enggan tunduk kepada tekanan badan kewangan antarabangsa supaya menerima formula pemulihan ketika Malaysia turut diserang krisis ekonomi pada 1997.

Namun, ketegasan dan kelantangannya bertujuan menyelamatkan negara ini daripada dijajah semula oleh kuasa ekonomi Barat dan formula Malaysia yang dikritik teruk akhirnya diiktiraf dunia kerana berjaya menyelamatkan Malaysia daripada lebih buruk dirundung malang.

Mungkin sebagai rakyat Malaysia, sukar mengelakkan prejudis dalam memberi pandangan mengenai pemimpin negara sendiri dan membandingkan beliau dengan pemimpin negara jiran, yang selama ini memang tidak pernah serik untuk terus menyuarakan pandangan 'ikhlas' tetapi angkuh.

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, bukan satu nama yang asing kepada rakyat Malaysia. Seluruh rakyat Malaysia akan sentiasa mengingat peristiwa bagaimana beliau memanipulasi bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, supaya menyerahkan Singapura kepadanya.

Pesaraannya sebagai Perdana Menteri Singapura ternyata hanya pada nama kerana hakikatnya kedudukan sebagai Menteri Kanan terus memberikan beliau kuasa untuk terus bersuara lantang.

Antara isu dan topik yang memang menjadi kegemaran beliau sejak dulu lagi ialah mengkritik dan memandang rendah terhadap bangsa Melayu, terutama kemampuan bangsa Melayu untuk mentadbir negara seperti Malaysia dan Indonesia.

Mungkin berasakan negara anggota Asean lain tidak mampu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan republik itu, Lee tidak dapat lari daripada berasa tercabar dengan kejayaan yang dicapai Malaysia, terutama dalam era pemerintahan Dr Mahathir.

Justeru, setiap perkembangan, kejayaan, malah isu dan masalah yang dialami negara ini, sentiasa mendapat perhatian serius beliau.

Dengan isu kedudukan Melayu di Singapura boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging kepada pemerintahan Singapura yang dikuasai kaum Cina, setiap kelemahan dan sebarang masalah perkauman membabitkan Melayu di Malaysia pantas disambar untuk mengingatkan 'betapa bernasib baiknya' mereka kerana berada di bawah pentadbiran meritokrasi.

Isu pergaduhan di Taman Medan, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya, baru-baru ini turut memberikan pentadbiran Goh Chok Tong, peluang untuk menyedarkan rakyat Melayu republik itu, betapa mereka bernasib baik diperintah oleh golongan bijak pandai Cina, yang mengutamakan keharmonian rakyat pelbagai bangsa.

Lee yang masih mempunyai kekuatan suara di republik itu, dalam dialog dengan kira-kira 160 pemimpin Melayu/Islam Singapura baru-baru ini, turut pantas menyambar kesempatan dengan berkata ketegangan kaum di negara ini, boleh turut berlaku di republik itu.

Dengan mengambil contoh sistem pendidikan Malaysia yang liberal, Lee

memberi tanggapan bahawa sistem itu sebenarnya menjurus kepada perkauman.

Bagi seorang pemimpin sebuah negara yang keluasannya tidak sampai suku pun daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Lee bolehlah mendabik dada dan berkata sistem pendidikan mereka lebih sistematik (tetapi tidak bersifat kebangsaan).

Dengan penduduk tidak sampai empat juta orang, usaha untuk mengawal rakyat bukanlah sesuatu yang terlalu sukar, apatah lagi dengan setiap rakyatnya dikekang dengan pelbagai peraturan dan undang-undang. Sekali imbas, 'sistem kawalan' mereka kelihatan sungguh berkesan.

Bagaimanapun, Lee dan Kerajaan Singapura sebenarnya tidak boleh menafikan hakikat bahawa masalah perkauman sebenarnya sentiasa wujud di mana-mana, termasuk di republik itu sendiri.

Bangsa Melayu yang menjadi pribumi Singapura - walaupun tidak menderita diulit kemiskinan - sebenarnya sentiasa tertekan. Mereka bukan saja menjadi golongan minoriti yang tidak perlu diberi sebarang kelebihan, bahkan tahap kesetiaan mereka terhadap pemerintah sentiasa diragui.

Lee ketika bercakap mengenai isu kesetiaan orang Melayu Singapura menegaskan bahawa soal konflik kesetiaan itu adalah satu realiti, bukan andaian semata-mata.

Beliau dipetik sebagai berkata, pemerintah perlu melaksanakan dasar yang berhati-hati dan bijaksana kerana sebarang kesilapan dalam pertimbangan boleh membawa padah yang buruk.

"Ini adalah satu realiti - realiti yang perlu kita pertimbangkan dalam penyerahan sesuatu jawatan sensitif dalam Angkatan Tentera Singapura (SAF). Kita tidak mampu meletakkan seseorang itu dalam keadaan yang mana dia mungkin berhadapan dengan konflik kesetiaan," katanya.

Justeru, berhadapan dengan realiti juga, Lee mahu pun pemerintahan Goh perlu berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang pendapat mengenai kedudukan kaum di Malaysia.

Kerajaan Malaysia tidak pernah mempertikai kesetiaan mana-mana rakyat negara ini untuk meletakkan mereka dalam mana-mana jawatan penting, walaupun dianggap tempat paling sensitif.

Semua bangsa bebas untuk memilih kedudukan dan pekerjaan masing-masing, termasuk dalam bidang yang dianggap sensitif oleh Singapura, iaitu ketenteraan. Cuma, bangsa Melayu lebih ramai disebabkan kaum lain, terutama Cina, lebih gemar untuk meneroka bidang yang lebih memberi pendapatan lumayan.

Disebabkan kepekaan terhadap usaha untuk memastikan budaya dan adat resam bangsa tidak hapus begitu saja, maka Kerajaan Malaysia turut merestui kehadiran sekolah jenis kebangsaan, iaitu Cina dan Tamil, serta beberapa universiti dan kolej, yang mewakili sesuatu kaum dan agama, seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Tunku Abdul Rahman atau Kolej Tafe.

Tetapi kolej atau sekolah jenis kebangsaan yang wujud ini tidak pernah menyekat kemasukan sebarang bangsa lain.

Walaupun, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed, bersetuju dengan pendapat Lee bahawa kewujudan sistem pendidikan berbentuk perkauman tidak begitu berkesan dalam mengukuhkan perpaduan antara rakyat pelbagai kaum, hakikat yang tidak boleh ditolak ialah sikap toleransi kerajaan.

Sejak merdeka lebih 43 tahun lalu, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang bertunjangkan Umno, mengamalkan sikap toleransi dan perkongsian kuasa dengan memastikan setiap kaum diwakili dengan adil oleh parti komponennya.

Menyedari sistem pendidikan kebangsaan adalah penting, tetapi ia juga boleh menghakis kekuatan budaya sesuatu bangsa, maka usaha ke arah sistem berkenaan terus dikaji dan diteliti kekuatan dan pratikalitinya.

Berbalik kepada kenyataan Lee dan kebimbangan Singapura terhadap sebarang isu perkauman yang tercetus di negara ini, pandangan bekas

Setiausaha Politik Perdana Menteri Singapura, Profesor Mohammed Yacob, bahawa Singapura amat takut dengan faktor luaran berunsur negatif seperti rusuhan kerana ia lambat laun boleh mempengaruhi rakyatnya, amat wajar diteliti.

"Apa jua masalah dalaman Singapura seboleh-bolehnya cuba dikaitkan dengan negara jiran yang menjadi penyebab utama sebagai mengaburi mata rakyat," katanya.

Ternyata, bagi menutup kelemahan republik itu dalam menangani pelbagai tuntutan, terutama daripada bangsa Melayu yang mahukan kedudukan lebih adil, baik dalam bidang pentadbiran negara mahupun ketenteraan, maka Lee menggunakan isu perkauman yang dialami Malaysia sebagai perisai utamanya.

Untuk turut sama memperoleh penghormatan atau digeruni, hakikatnya ialah sesuatu yang kecil - baik manusia mahupun negara - akan cuba 'menggaraukan suara' atau bersikap lebih berani.

Begitu juga dengan Singapura, sebagai sebuah negara kecil yang menyedari ia terpaksa sentiasa 'bergantung' kepada negara jiran, maka ia perlu mempunyai suatu 'kekuatan' supaya sentiasa dihormati.

Walaupun, mencatat kedudukan sebagai negara paling maju di kalangan negara-negara di rantau ini, namun rasa rendah diri langsung tidak dimiliki pemimpin mereka.

Justeru, untuk menunjukkan mereka sama besar dan lebih kuat, maka suara-suara angkuh akan mula kedengaran sebagaimana Lee yang tidak akan serik atau jemu memperlekehkan Malaysia.

(END)